Sebagai sebuah badan latihan dan pendidikan koperasi, MKM telah melaksanakan beberapa program NBOS dengan kementerian dan agensi termasuklah program bersama JPNIN ini. Hasrat utama program NBOS ini adalah memberi pendedahan kepada rukun tetangga berkaitan penubuhan koperasi dan koperasi sebagai salah satu agen meningkatkan taraf sosioekonomi anggota rukun tetangga melalui aktiviti ekonomi koperasi serta mengurangkan kebergantungan rukun tetangga kepada geran kerajaan.

Seramai 105 orang peserta rukun tetangga telah mengikuti program ini dan telah mendapat banyak ilmu pengetahuan serta perkongsian pengalaman dari koperasi rukun tetangga yang berjaya iaitu Koperasi Rukun Tetangga Telaga Batin Terengganu Berhad yang menjadi inspirasi utama kepada penubuhan koperasi komuniti ini.



Barisan tetamu kehormat (duduk barisan hadapan) dan para peserta kursus Penubuhan dan Pengukuhan Koperasi Rukun Tetangga

PROGRAM KEMBARA COOP HUNT MKM 2017 SEMPENA SAMBUTAN 61 TAHUN MKM

Mohd Rasid Abdul Hair
Unit Komunikasi Korporat

Merealisasikan hasrat YBhg Dato' Ketua Pengarah MKM untuk mengadakan program berupa jejak koperasi sempena 61 Tahun MKM, program Kembara Coop Hunt 2017 telah diadakan pada 11 Disember 2017 dari Petaling Jaya ke Johor Bahru, bersekali dengan Konvensyen Modal Insan Koperasi di Johor Bahru. Pendekatan ini diambil supaya semua peserta yang menyertai Kembara Coop Hunt secara langsung menjadi peserta konvensyen yang diadakan pada 12 dan 13 Disember 2017. Sebanyak 12 pasukan daripada koperasi di sekitar Lembah Klang dan 20 pasukan dari kalangan kakitangan MKM terlibat berkonvoi dalam program ini.

Sebanyak empat Check Point di koperasi terpilih telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal iaitu di Koperasi Kariah Masjid di Paroi, Negeri Sembilan, Koperasi Bela Masyarakat Melaka Berhad (KOBEMAS) di Ayer Keroh, Melaka, Koperasi Serbaguna Kg Bahagia Kulai Berhad, Felda Taib Andak, Kulai, Johor dan IMCOOP di Kulai Jaya, Johor Bahru, Johor. Penamat Kembara Coop Hunt adalah di Hotel New York, Johor Bahru dan majlis makan malam dan penyampaian hadiah diadakan pada malam tersebut.

Kehadiran Pengurus MKM, YBhg Prof. Datuk Yusuf Bin Kasim telah menyerikan lagi majlis tersebut dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang. Kategori Koperasi telah dimenangi oleh pasukan



daripada Koperasi Menjana Johor Bhd, yang diketuai oleh setiausaha koperasi tersebut iaitu Pn Fainah bte Hj Rais. Beliau membawa pulang hadiah berjumlah RM3000.00. Tempat kedua dimenangi oleh pasukan daripada Koperasi Pegawai Ehwal Koperasi Selangor Berhad, dengan hadiah RM2000.00 dan tempat ketiga dimenangi oleh pasukan daripada Koperasi SKM Ibu Pejabat dengan membawa hadiah wang tunai RM1000.00. Bagi kategori kakitangan MKM, telah dimenangi oleh pasukan "Boleh Bah Kalau Kau" yang diketuai oleh En. Razalie bin Raffae. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang. Semoga program seperti ini akan diadakan lagi untuk masa-masa akan datang.



Pengarah Unit Komunikasi Korporat menyampaikan plak "Coop Hunt" sebagai tanda penghargaan kepada koperasi yang terlibat sebagai Check Point



BICARA ILMU: ANJAKAN PARADIGMA PERUNCITAN KOPERASI

Siti Hajar Saaey

Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Pada 11 Oktober 2017, Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) telah menganjurkan satu Bicara Ilmu bertajuk Anjakan Paradigma Peruncitan Koperasi. Sasaran peserta bagi bicara Ilmu ini terdiri daripada koperasi-koperasi yang terlibat dalam aktiviti peruncitan di seluruh Malaysia. Bicara Ilmu yang diadakan di Aliya Hotel Klang ini telah dihadiri oleh 150 orang peserta sekitar Selangor. Bicara Ilmu ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada koperator kepentingan dan peluang dalam sektor peruncitan koperasi serta membantu koperasi peruncitan memperkasakan keupayaan perniagaan yang ada. Selain itu, ia memberi pengetahuan tentang isu dan cabaran semasa dalam sektor peruncitan agar tindakan proaktif dapat diambil dalam menyahut isu dan cabaran tersebut.

Program Bicara Ilmu ini telah dimulakan dengan perasmian yang disempurnakan oleh Ketua Sektor MKM, En. Mohd. Roslan Bani Amin. Melalui ucapan beliau, para peserta diingatkan tentang perubahan kemantapan ilmu sains dan teknologi telah menyumbang secara positif dalam sektor peruncitan. Koperasi perlu melakukan anjakan paradigma dalam memastikan aktiviti koperasi terutamanya bidang peruncitan berdaya saing seiring dengan sektor yang lain. Kejayaan koperasi seperti IMCOOP di Johor, Koperasi SKOMK di Perak dan Koperasi Perwaja di Terengganu boleh dilihat sebagai penanda aras kepada koperasi yang lain dan kemampuan koperasi ini menjalankan bidang peruncitan dengan

jayanya. Selain itu, majlis perasmian ini turut dihadiri oleh Pengarah SKM Selangor serta wakil ANGKASA Selangor.

Seterusnya, program Bicara Ilmu diteruskan dengan sesi forum yang dikendalikan oleh Pengarah SPP, En Jaibit Jaudin yang bertindak sebagai moderator majlis. Slot pertama dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Tn Hj Ahmad Takhiuddin Bin Ghazali, Pengurus Besar di Koperasi Orang Melayu Kerajaan (SKOMK) Perak Berhad yang bertajuk "**Peruncitan Koperasi: Antara Aspirasi dan Anjakan**". Pelbagai input yang bermanfaat telah disampaikan antaranya adalah peluang perniagaan melalui pemborongan dan peruncitan yang boleh diambil oleh koperasi pada masa kini. Tn Hj. Ahmad turut menekankan kepentingan kerjasama yang perlu diperkasakan dalam memajukan sebuah koperasi. Penceramah turut berkongsi bantuan yang disediakan oleh pihak kerajaan terutamanya SKM yang boleh diperoleh koperasi yang ingin menceburi bidang peruncitan.

Slot kedua pula disampaikan oleh Profesor Dr Hjh. Hamsiah Ismail, Pengurus Koperasi Kakitangan Kumpulan Syarikat Dr Azizan Kedah Berhad (KUSDA) dengan ceramah yang bertajuk "**Perekayasaan Peruncitan Koperasi: Cabaran & Realiti**". Pelbagai input yang bermanfaat telah didedahkan antaranya adalah strategi merebut

peluang, kaedah menjadi usahawan melalui koperasi, fokus dengan jenis perniagaan yang ada dan sebagainya. Penceramah juga menyelitkan kisah bagaimana beliau mentransformasikan perniagaan beliau dan juga koperasi sehingga boleh mencatat peningkatan keuntungan setiap tahun. Selain itu juga, para peserta dinasihatkan untuk menggunakan segala peluang yang ada melalui koperasi seperti memperoleh ilmu melalui kursus-kursus di Maktab Koperasi Malaysia.

Secara keseluruhannya, Bicara Ilmu ini dilihat berjaya mencapai objektif yang diinginkan. Semoga program seperti ini dapat diteruskan dan menjadi satu platform yang berkesan dalam melahirkan koperator yang melibatkan diri dalam bidang koperasi. Maklum balas positif yang diperoleh daripada para peserta juga boleh diambil sebagai penanda aras agar program yang diadakan kelak berjaya memberi manfaat kepada golongan sasar yang ingin dicapai. Diharapkan agar segala ilmu yang diberikan dapat dilaksanakan dengan jayanya dan menjadikan modal insan yang menjadi contoh kepada koperasi sedia ada.



Antara peserta Bicara Ilmu yang turut hadir



KURSUS eUSAHAWAN ANJURAN BERSAMA MKM & MDEC

Intan Nur Azreen Mohamad Radzi
Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Bermula Oktober 2017, Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah menjalankan Kursus eUsahawan. Ia adalah jalinan kerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia atau dikenali sebagai MDEC. Ia dijalankan bertujuan untuk memberi pendedahan dan memurnikan inspirasi keusahawanan digital serta membantu golongan usahawan mikro, usahawan muda serta perusahaan kecil dan sederhana menjana pendapatan melalui platform digital ini. Sasaran program ini ialah 1000 peserta eUsahawan dilatih oleh pihak MKM dari kalangan belia, koperasi serta usahawan mikro.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 38 kursus telah dijalankan dengan penyertaan seramai 966 orang dilatih menerusi kursus eUsahawan. Kursus ini dijalankan pada hujung minggu mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Ia dikendalikan oleh tujuh orang tenaga pengajar yang diiktiraf oleh pihak MDEC, yang terdiri daripada kalangan pegawai

MKM. Kursus ini juga bukan hanya dijalankan di MKM kampus induk Petaling Jaya, tetapi juga di MKM Zon Timur, Zon Utara, Zon Selatan serta di koperasi yang berminat.

Oleh kerana sambutan yang amat menggalakkan, kursus ini akan diteruskan pada tahun 2018. Kursus eUsahawan ini akan dijalankan sebanyak 30 kursus mengikut pembahagian yang telah ditetapkan iaitu lima kursus di setiap zon MKM. Justeru, warga usahawan mikro, kecil dan sederhana yang terdiri daripada golongan belia, para kperator dan individu yang berminat, bolehlah memohon kursus ini dan pertanyaan lanjut boleh berhubung terus dengan Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) di talian 03-79649111 (Pn. Intan Nur Azreen Mohamad Radzi).



Antara gambar peserta kursus eUsahawan yang dijalankan di MKM Petaling Jaya dan di zon-zon MKM yang lain



KURSUS INDUSTRI KE LUAR NEGARA (VIETNAM)

Siti Hajar Saaey

Sektor Pemborongan dan Peruncitan

Bidang pemborongan merupakan salah satu sektor yang mempunyai potensi perniagaan yang berdaya saing pada era ini. Dengan kepesatan kemajuan teknologi maklumat, sektor pemborongan menjadi lebih rancak dengan penjualan melalui media massa yang terkini. Selaras dengan perkembangan ini, Sektor Pemborongan dan Peruncitan (SPP) Maktab Koperasi Malaysia mengambil inisiatif menganjurkan Kursus Simulasi Industri Pemborongan ke Luar Negara (Vietnam) pada 8-11 September 2017 yang lalu. Kursus yang melibatkan kerjasama dengan pihak Akademi Usahawan Borong (AUB) telah disertai 10 orang peserta dan melibatkan seorang pengiring iaitu Cik Siti Hajar mewakili Sektor Pemborongan dan Peruncitan MKM. Manakala wakil AUB pula ialah En. Sarifuddin Muda (Sifu Dino) dan Cik Nurul Hidayah (Coach Dea).

Kursus berbentuk simulasi ini bertujuan untuk mendedahkan peserta atau wakil koperasi mengaplikasikan proses pemborongan, urusan pembekal, pembungkusan, logistik dan lain-lain lagi. Kursus ini merupakan lanjutan daripada kursus pra-persediaan yang telah dihadiri oleh peserta Kursus Peluang Perniagaan Melalui Pemborongan di Luar Negara. Tambahan lagi, kursus ini membolehkan peserta menjalankan rantaian kerjasama dengan pusat perniagaan di luar negara serta secara tidak langsung memperkembangkan bahasa untuk berkomunikasi, berinteraksi dan bersosialisasi dengan masyarakat setempat di Vietnam.

Para peserta telah didedahkan dengan teknik *survival mode* iaitu teknik aplikasi secara langsung dilaksanakan agar para peserta boleh mengadakan lawatan sendiri pada masa akan datang. Selain itu, para peserta juga telah didedahkan dengan kaedah berkomunikasi dengan pemborong-pemborong di Vietnam. Mereka telah dibawa ke gudang-gudang pakaian, tekstil, tudung dan telekung yang boleh diperoleh secara borong yang melibatkan kos yang minimum. Kebanyakan peserta juga diajar menggunakan aplikasi Whatsapp untuk membuat tempahan pada masa akan datang agar kesinambungan aktiviti pemborongan ini terus berlangsung dalam memajukan koperasi.

Secara keseluruhannya, program ini memberi ilmu yang sangat bermanfaat kepada para koperator. Pendedahan ilmu yang komprehensif dalam aktiviti pemborongan di Vietnam ini diharap dapat diaplikasikan secara berterusan oleh para peserta. Peluang menerokai bidang perniagaan berpendapatan tinggi dalam bidang pemborongan ini sewajarnya diguna pakai sebaiknya oleh peserta dan koperasi. Semoga koperasi dapat berdaya saing dengan perniagaan lain seiring dengan perkembangan dunia teknologi pada masa kini.



Para peserta sedang melakukan aktiviti berurus niaga dengan pemborong di Juley House, Vietnam



Para peserta sedang mempelajari teknik berurus dengan pemandu Vinnasun Taxi di Vietnam



KURSUS PAKEJ PELANCONGAN ***HISTORICAL DAN HERITAGE*** MEMBERI KESAN DI HATI PESERTA

Muhammad Afnan Hasim
Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan

Seramai 32 orang peserta Kursus Penyediaan Paket Pelancongan *Historical* dan *Heritage* anjuran Maktab Koperasi Malaysia (MKM) telah berpeluang mempelajari secara teori dan praktikal kaedah penyediaan paket pelancongan *Historical* dan *Heritage*. Program yang telah dijalankan selama empat hari tiga malam itu banyak memberi pendedahan dan pengalaman baharu kepada koperator yang mahu berjinak-jinak dalam bidang pelancongan.

Objektif kursus ini adalah untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para koperator konsep dan jenis paket pelancongan *Historical* dan *Heritage* serta kaedah penyediaan paket pelancongan.

Pada akhir kursus ini peserta dapat menyediakan satu paket pelancongan *Historical* dan *Heritage* berdasarkan ilmu dan pengalaman yang telah diperoleh daripada kursus ini. Di samping itu juga, para peserta dapat memahami dengan jelas

perkara berkaitan syarat, terma dan caj bagi setiap pindaan atau perubahan paket pelancongan mengikut Akta Industri Pelancongan 1992.

Penganjuran kursus ini merupakan yang kedua oleh MKM selepas mendapat sambutan yang menggalakkan dari para peserta sejak diperkenalkan pada tahun 2016 di Pulau Langkawi.

Peserta terdiri daripada pengurus koperasi dan kakitangan kanan koperasi yang menjalankan aktiviti pelancongan, jawatankuasa kecil projek pelancongan, Anggota Lembaga Koperasi (ALK), pegawai agensi yang menyelia koperasi dan anggota koperasi.

Pulau Pinang menjadi pilihan lokasi bagi penganjuran kursus kali ini kerana di sini terdapat banyak peninggalan tempat

bersejarah yang boleh dipelajari oleh koperator yang hadir. Program ini juga banyak memberi input kepada para peserta kerana ada di antara tempat yang dilawati masih belum pernah dijejaki oleh peserta walaupun mereka merupakan rakyat Malaysia.

Antara tempat bersejarah yang dilawati ialah Fort Cornwallis, Clan Jetty, Penang Time Tunnel, Masjid Kapitan Kling, Masjid Melayu (Jamek) Lebuh Acheh, Cheong Fatt Tze The Blue Mansion, Keretapi Bukit Bendera, Muzium P.Ramlee, dan War Muzium.

Menurut salah seorang peserta, Encik Rosli Bin Daud dari Koperasi Felda Bukit Cherakah; "program ini banyak memberi kesan di hati saya kerana banyak ilmu pengetahuan tentang sejarah Malaysia sebelum merdeka dapat

dipelajari. Lawatan yang dibawa ke tempat bersejarah seperti Muzium Perang meruntun hati saya kerana saya dapat rasakan kesedihan dan kekejaman yang berlaku atas rakyat kita Malaysia sewaktu negara kita dijajah. Ianya sangat bermanfaat serta berharap kursus seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa hadapan".

Bagi koperasi yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai program seperti ini atau menyertai kursus di bawah Sektor Pelancongan, Penjagaan Diri dan Kesihatan MKM, bolehlah hubungi talian 03-7964 9000 / 9068 atau di alamat email pelancongan@mkm.edu.my.



Bergambar di hadapan Cheong Fatt Tze The Blue Mansion

MASJID KAPITAN KLING/KAPITAN KLING MOSQUE

Masjid Kapitan Kling yang terletak di Lebuh Pitt adalah masjid yang tertua di Pulau Pinang. Ia mula dibina oleh tentara Syarikat India Timur apabila mereka tiba di Pulau Pinang pada akhir abad ke-18.

Menandakan penduduk India Muslim di Pulau Pinang pada masa itu semakin bertambah, sebuah masjid yang lebih besar adalah diperlukan. Seorang ketua kaum India Muslim iaitu Caudee Mohudeen yang dikenali sebagai Kapitan Kling, telah memohon tanah untuk masjid yang baru. Tanah seluas 18 ekar ini telah diperoleh pada bulan November 1801 dan pembinaan masjid telah dimulakan pada tahun 1803.

Gelaran kapitan bagi Caudee Mohudeen pada tahun 1834, ia bukan sahaja gelaran sebahagian daripada perintahannya tetapi juga merupakan gelaran bagi keluarga dan keturunan mereka. Caudee Mohudeen meninggal dunia pada tahun 1840.

Masjid yang ada sekarang dibina pada tahun 1816 untuk menggantikan bangunan yang lama. Kubah yang besar menunjukkan pengaruh Islam yang diambil dari unsur-unsur dari India.

The Kapitan Kling Mosque located at Lebuh Pitt is the oldest mosque in Penang. It was first built by the East India Company's troops when they arrived at Penang towards the end of the 18th Century.

As the population of Indian Muslim settlers grew, a larger and more permanent mosque was necessary. One of their leaders, Caudee Mohudeen, their headman (Kling Kapitan) at that time, requested for a land grant for the new mosque. Eighteen acres were obtained in November 1801 and construction began in 1803.

After Caudee Mohudeen's death in 1834, his land was recognised as part of the original grant. Public roads and houses were built around the mosque, slowly reducing its area to only 8 acres in 1903.

The present mosque was built in 1816 replacing the old building. The dome shaped minaret reflects Islamic architecture with Indian influences.

Sejarah Masjid Kapitan Kling



Bergambar kenangan di hadapan Galeri P. Ramlee



KEM KEUSAHAWANAN BELIA KOPERASI SUNTIK SEMANGAT BARU

Nor Fadhilah bt Mohd
Pusat Pembangunan Komuniti

Pada 24-26 Oktober 2017, Pusat Pembangunan Komuniti (PPK) telah menganjurkan Kem Keusahawanan Koperasi kepada golongan belia di Semenanjung Malaysia. Seramai 42 orang koperator dalam kalangan belia telah menyertai program ini yang bertempat di Pangkor Rimba Kem, Pulau Pangkor, Perak.

Tujuan program ini diadakan adalah bagi memupuk semangat keusahawanan dan ilmu berkoperasi dalam kalangan belia dari bidang perniagaan melalui model koperasi. Selain itu, ia juga dapat memperkasakan amalan berkoperasi dalam kalangan belia serta dapat membantu golongan belia bagi menjana ekonomi daripada projek-projek yang dilaksanakan sama ada sektor pertanian, perlادangan, pelancongan, penternakan, harta tanah serta peruncitan.

Program ini melibatkan aktiviti berkumpulan; antaranya *flying fox*, *jungle trekking*, Rancangan Perniagaan dan *From Zero To Hero*. Bagaimanapun aktiviti utama dalam kem ini ialah “Business Game”

yang memerlukan peserta menyiapkan tugas secara praktikal di lapangan yang telah ditetapkan. Program ini juga turut dihadiri oleh pegawai dari ANGKASA Negeri Perak bagi menyampaikan ceramah berkaitan peranan ANGKASA dalam gerakan koperasi.

Melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan ia dapat memupuk sikap ketahanan diri, kreatif dan inovatif serta semangat bekerjasama. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan keyakinan diri dalam membuat keputusan serta mencipta peluang perniagaan baru kepada koperasi. Program ini juga dapat menggalakkan para belia menjadi pelapis kepada gerakan koperasi dan seterusnya dapat menempuh cabaran dunia keusahawanan koperasi pada masa hadapan.



Aktiviti jungle trekking peserta Kem



Seorang belia sedang mencuba aktiviti flying fox



Aktiviti latihan dalam kumpulan



SEMINAR “AKTA WANG TAK DITUNTUT (WTD) 1965: APA PERANAN KOPERASI?”

Rohalinda Ahad
Zon Tengah

Sumber daripada Mstar melaporkan sebanyak RM5.7 bilion Wang Tak Dituntut (WTD) masih berada dalam simpanan Bahagian WTD, Jabatan Akauntan Negara iaitu sebagai pemegang amanah sejak 1977 sehingga 30 Jun 2017. Menurut Jabatan Akauntan Negara, ada beberapa kategori Wang Tak Dituntut (WTD) ini. Antaranya adalah sama ada wang yang perlu dibayar di sisi undang-undang kepada empunya tetapi tidak dibayar dalam satu tempoh masa tidak kurang dari satu (1) tahun; wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh masa tidak kurang dari tujuh (7) tahun; atau pun wang dalam kredit sesuatu akaun yang telah tidak dikendalikan oleh empunya dengan apa cara sekalipun dalam satu tempoh masa tidak kurang dari tujuh (7) tahun.

Selain itu WTD juga terdiri daripada wang dalam kredit sesuatu akaun dagangan yang telah tidak dikendalikan melalui apa-apa urus niaga dalam

satu tempoh masa tidak kurang dari dua (2) tahun. Dalam hal ini, individu atau firma atau syarikat yang ditubuhkan di bawah peruntukan Akta Syarikat 1965, termasuk koperasi adalah wajib mematuhi Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Justeru, MKM Zon Tengah menyediakan platform dengan menganjurkan seminar khas secara percuma kepada gerakan koperasi dan para koperator amnya untuk mendapat pendedahan dan kesedaran lebih dekat berkaitan Wang Tak Dituntut, akta yang berkaitan dengannya dan prosedur serahan WTD dengan lebih jelas.

Seminar ini telah dijalankan pada 12 Oktober 2017, bertempat di Hotel Tower Regency, Ipoh, Perak. Objektif seminar ini adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan pungutan kepada Wang Tak Dituntut serta penyimpanan

datanya, meningkatkan kefahaman mengenai prosedur yang ditetapkan bagi bayaran balik WTD dan bagi meningkatkan pengetahuan serta kefahaman para koperator berkenaan penguatkuasaan Akta Wang Tak Dituntut 1965.

Seramai 195 orang peserta telah menyertai seminar ini yang terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK), Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD), tenaga kerja dan anggota koperasi dari kawasan Selangor dan Perak Selatan. Turut hadir sama ialah wakil daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Angkasa Negeri Perak.

Program ini telah dirasmikan oleh Pn. Hjh. Aishah Ariffin, Pengarah Kanan MKM Zon Tengah, mewakili Ketua Pengarah MKM. Pembentang sesi pertama dengan tajuk **Pengenalan Kepada Wang Tak Dituntut** telah disampaikan oleh Pn. Mazni Mustafa Al-Bakri dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak. **Pengurusan Serahan Wang Tak Dituntut kepada Pendaftar** merupakan tajuk sesi kedua yang telah disampaikan oleh Pn. Nashielia Abu Bakar iaitu Penolong Pengarah Kanan (Akaun) dari Jabatan Akauntan Negara, Ibu Pejabat.

Pada sebelah petangnya, sesi forum bertajuk "**Wang Tak Dituntut : Apa Peranan Koperasi?**" telah dijalankan, yang dipengerusikan oleh Pn. Norbiha

Kasmuri, Pengarah MKM Zon Tengah. Ahli panel terdiri daripada En. Mohd Nazi Mat Yusoff, Ketua Unit Penguatkuasaan, Jabatan Akauntan Negara dan En. Shahrizan Abdullah, Penolong Pengarah Kanan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Perak. En. Mahendran a/l Suppiah Raman, Setiausaha Koperasi Pekerja-pekerja Majlis Bandaraya Ipoh Bhd. telah dijemput dan berbesar hati berkongsi pengalaman koperasi beliau dalam menguruskan wang tak dituntut ini.

Secara keseluruhannya, program ini dapat mencapai matlamat penganjurannya iaitu bukan sekadar memberikan pendedahan, tetapi juga dapat meningkatkan pengetahuan kepada para peserta betapa pentingnya mengetahui tanggungjawab dan peranan koperasi terhadap WTD. Sehubungan itu, gerakan koperasi perlu mengambil langkah proaktif dengan melaksanakan tatacara atau prosedur serahan Wang Tak Dituntut kerana langkah penguatkuasaan undang-undang telah berjalan dan bagi memastikan koperasi tidak tersalah menggunakan wang yang bukan milik koperasi.



Urus setia Seminar (Zon Tengah) bergambar kenangan bersama empat orang panel penceramah (tengah)



MELESTARI MODAL INSAN KOPERASI DI KOTA BELUD

Norsyeirawani Shari
Zon Sabah

Pada 24 November 2017 (Jumaat), Maktab Koperasi Malaysia Zon Sabah telah menganjurkan program Melestari Modal Insan Koperasi (LMIK) bertempat di Dewan Tun Said Keruak, Kota Belud. Program ini dilaksanakan bagi memberi pendedahan kepada anggota koperasi dan masyarakat tentang peranan koperasi dalam membantu anggota dan masyarakat menangani isu peningkatan kos sara hidup selain mendekatkan pemimpin dengan masyarakat.

Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang program adalah perkongsian pengalaman Koperasi Kadamaian Kota Belud yang menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan yang disampaikan oleh En. Daniel Samudin, Pengurus Koperasi Kadamaian. Selain itu juga para peserta mendengar perkongsian

pengalaman Koperasi Pelancongan Tagal Kampung Lingkubang yang menjalankan aktiviti pelancongan, disampaikan oleh En. Madin Anak, Pengurus Koperasi dan Jom Kenali Koperasi yang disampaikan oleh En. Yusri Tarip, Pegawai Latihan Kanan MKM.

Selain perkongsian pengalaman dengan pemain industri setempat, program ini juga dimeriahkan dengan program kempen menderma darah daripada Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, pemeriksaan kesihatan dan pameran kesihatan daripada Pejabat Kesihatan Kota Belud dan pameran keselamatan daripada pihak Polis Diraja Malaysia Cawangan Kota Belud.

Program ini diserikan lagi dengan kehadiran YB Datuk Musbah bin Hj Jamli, Pembantu Menteri kepada Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah sebagai perasmian program. Program LMIK ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada anggota koperasi dan masyarakat sekitar dengan kehadiran 360 orang peserta. Ia juga dimeriahkan dengan acara cabutan bertuah yang mendapat tajaan daripada koperasi, agensi dan orang perseorangan selain sumbangan daripada Persatuan Penderma Darah Sabah yang menyumbang 30 kampit beras bagi penderma darah pada hari tersebut. Program ini berakhir dengan jayanya seperti yang dirancang dan diharap mencapai objektif pelaksanaannya.



Majlis Perasmian oleh YB Datuk Musbah, Pembantu Menteri kepada Timbalan Ketua Menteri, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah



Sekitar majlis perasmian



Pemeriksaan kesihatan dan pameran kesihatan



Kempen menderma darah dan pameran keselamatan





SEMINAR OTAK ORANG BISNES LESTARIKAN KOPERASI

Mohamad Suandi Mortadza
Zon Sarawak

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) Zon Sarawak telah menganjurkan Seminar Otak Orang Bisnes Lestarikan Koperasi pada 26-27 September 2017 di Hotel Imperial Kuching. Seminar ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan kepada koperator berkenaan potensi minda dan pemikiran manusia untuk dikembangkan bagi menjana kejayaan perniagaan koperasi. Selain itu, memberi pendedahan berhubung langkah-langkah penjagaan kesihatan otak menerusi cara pemakanan dan gaya hidup. Pada masa yang sama seminar ini mempersiapkan koperator berkenaan pendekatan yang ampuh bagi melestarikan koperasi.

Sebanyak tiga sesi perkongsian seminar telah diadakan pada kali ini iaitu daripada Dr Hajah Hayati Md Salleh yang telah membentangkan kertas kerja yang bertajuk **Melestarikan Pengurusan Perniagaan Koperasi**. Manakala

Dr. Rizal Abu Bakar yang juga dikenali dengan 'Dr Otak' yang merupakan pakar otak Malaysia telah diundang untuk berkongsi pada kali ini dengan tajuk **Otak Orang Bisnes: Penjagaan Kesihatan Otak** dan **Otak Orang Bisnes: Menjana Idea Memacu Perniagaan**.

Majlis Perasmian Seminar ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Hj Mohd Naroden bin Hj Majais, Menteri Muda E-Dagang dan Menteri Muda Keusahawanan, Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Sarawak, mewakili Yang Berhormat Datuk Amar Hj Awang Tengah Ali Hassan, Timbalan Ketua Menteri Sarawak, merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Usahawan dan Menteri Pembangunan Bandar dan Sumber Asli II Sarawak.

Ketika ucapan, beliau menyeru agar gerakan koperasi di Sarawak mengambil peluang daripada seminar yang diadakan kali ini agar melestarikan gerakan koperasi di Sarawak dengan sentiasa memikirkan idea-idea inovatif dan kreatif bagi menjayakan perniagaan koperasi. Beliau juga menyarankan usahawan dan koperasi di negeri Sarawak terlibat aktif dalam e-dagang bagi menambahkan pendapatan perniagaan usahawan dan koperasi. Terlebih dahulu Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, Ketua Pengarah Maktab Koperasi Malaysia telah menyampaikan ucapan aluan. Turut serta dalam seminar ini ialah ketua-ketua agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan Sarawak.

YB Datuk Hj. Mohd Naroden juga telah melancarkan **Buku Pasar Mini Koperasi** terbitan MKM pada majlis perasmian tersebut. Buku tersebut telah ditulis oleh barisan akademik MKM Zon Sarawak yang diketuai oleh Pn. Siti Maimunah

Jerni yang juga merupakan Pengarah MKM Zon Sarawak, Pn. Sharifah Rohaya Wan Idris, En. Mohd Haswardi Hj. Morshidi, En. Frank Meol dan En. Mohamad Suandi Hj. Mortadza. Manakala, penghargaan media juga turut disampaikan kepada rakan media MKM Zon Sarawak yang banyak membantu mempromosikan program latihan dan pendidikan MKM. Selain itu, Koperasi Mayang Kawan Serian Bhd. juga turut menerima **Penghargaan Koperasi Bimbingan** memandangkan pencapaian koperasi amat positif setelah menyertai Program Koperasi Bimbingan MKM.

Seramai 154 orang peserta telah menghadiri Seminar kali ini. Manakala, terdapat 12 buah koperasi dari seluruh negeri Sarawak telah mengambil bahagian dalam pameran produk dan perkhidmatan koperasi.



Ucapan Perasmian daripada YB Datuk Hj. Mohd. Naroden Hj. Majais



YB Datuk Hj Mohd Naroden bersama Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman Shaik melawat gerai pameran koperasi



YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri KPDKK, merangkap Ahli Parlimen Larut, melancarkan pertandingan rakit sempena Fiesta Rakit Larut 2017

PERTANDINGAN FIESTA RAKIT LARUT 2017

Mohd Khairil B Abd Hadi
Unit Komunikasi Korporat

Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKK) YB. Dato' Seri Hamzah B Zainudin, merangkap Ahli Parlimen Larut telah merasmikan Fiesta Rakit Larut 2017 bertempat di Sungai Bayor, Selama, Perak pada 11 November 2017.

Fiesta tahunan yang telah memasuki edisi kelima tahun ini merupakan program anjuran Pusat Khidmat Parlimen Larut dengan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKK) serta agensi di bawah KPDKK.

Penganjuran fiesta yang meriah ini telah menarik ribuan pengunjung dan penyertaan dalam pertandingan rakit yang telah dicatatkan melebihi 1000 peserta dengan jumlah pasukan sebanyak 256. Jumlah tersebut merupakan

satu kejayaan yang besar kerana ia direkodkan dalam Malaysia Book Of Records sebagai penyertaan paling ramai dalam pertandingan rakit. Pertandingan kali ini dibahagi kepada dua kategori iaitu perlumbaan rakit dan rakit berhias yang dibuka kepada orang awam serta agensi-agensi kerajaan.

Maktab Koperasi Malaysia (MKM) juga tidak ketinggalan menyertai kategori perlumbaan rakit dan rakit berhias. MKM telah menghantar dua pasukan iaitu kategori rakit berhias oleh kakitangan MKM, manakala pelajar-pelajar Kolej iCOOP menyertai perlumbaan rakit. Ini merupakan pengalaman baru kepada semua kerana peserta perlu menghias dan menyiapkan rakit sebelum perlumbaan

berlangsung. Jarak pertandingan adalah sejauh 5km dan peserta perlu melalui laluan sungai yang berliku serta arus yang kuat.

Selain itu, pelbagai aktiviti menarik turut diadakan sepanjang fiesta berlangsung antaranya panjat tiang licin, lawan bantal, tangkap itik dan sebagainya. Penganjuran fiesta ini bukan sahaja dapat mencungkil bakat dan kreativiti peserta dalam seni mencipta rakit tetapi dapat memupuk perpaduan serta silaturahim antara

agensi di bawah KPDKK dan masyarakat setempat.

Hadir sama pada majlis ini ialah Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Dato' Sri Jamil B Salleh, Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha serta Ketua Pengarah MKM YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman B Abdul Razak Shaik dan Pengarah MKM Zon Utara.



Aksi para peserta perlumbaan rakit



Pasukan kakitangan MKM bersama Ketua Pengarah, Prof. Madya Dato' Dr. Abdul Rahman bin Abdul Razak Shaik, bergambar di hadapan rakit berhias yang telah siap



Pasukan pelajar daripada Kolej iCOOP yang turut bertanding kategori perlumbaan rakit



LAWATAN DELEGASI GENDER EQUALITY RESOURCES CENTER (GERC) INC. FILIPINA KE MAKTAB KOPERASI MALAYSIA

Nur Syazwani Bt Zainul Abidin
Pusat Dasar dan Antarabangsa

Pada 24 November 2017 bertempat di Auditorium Dato' Abdul Majid, MKM telah menerima kunjungan seramai 65 delegasi dari Gender Equality Resources Center (GERC) Inc. Filipina yang diketuai oleh Dr. Emma A. Nieva, Pengurus GERC dan turut serta En M. Annamalai dari Association of Co-operative Credit Union Malaysia (ACCUM). Tujuan utama lawatan ini adalah untuk mengetahui fungsi dan peranan MKM sebagai sebuah pusat latihan dan pendidikan koperasi serta pada masa yang sama beliau meninjau potensi kerjasama dengan MKM pada masa akan datang.

Lawatan ini telah disambut oleh Puan Aishah Ariffin, Pengarah Kanan Zon Tengah, Cik Sharina Abdullah, Pengarah Pusat Dasar dan Antarabangsa, dan pegawai Pusat Dasar dan Antarabangsa. Lawatan ini dimulakan dengan tayangan video korporat MKM dan diikuti dengan penerangan mengenai fungsi, peranan, proses transformasi 2017 dan hala tuju MKM yang disampaikan oleh Cik Sharina Bt Abdullah, Pengarah Pusat Dasar & Antarabangsa. Para delegasi juga turut didekahkan dengan mengenai senario

koperasi di Malaysia serta penerangan lanjut mengenai kajian keperluan latihan, proses pembangunan sibus dan program latihan yang dijalankan. Lawatan kemudiannya disusuli dengan penerangan ringkas oleh Dr Emma A. Nieva mengenai Gender Equality Resources Center dan aktiviti yang dijalankan khususnya. Sesi soal jawab juga dijalankan di akhir perbincangan bagi berkongsi pandangan serta mendapatkan gambaran yang jelas mengenai cara kerja,

budaya dan sistem pendidikan koperasi yang diamalkan di institusi masing-masing.

Di akhir pertemuan, pihak GERC mengucapkan ribuan terima kasih kepada MKM di atas perkongsian maklumat yang dapat dikongsikan kepada pihak koperator serta ahli-ahli GERC sekembalinya beliau ke Filipina.



Sekitar lawatan: (kiri-bawah) Pengarah Pusat Dasar dan Antarabangsa, Cik Sharina Abdullah menyampaikan cenderamata kepada Dr Emma A. Nieva, Pengerusi GERC

KURSUS WAJIB DI MKM



KURSUS WAJIB 1

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN KOPERASI

- Memberi pendedahan berkaitan ciri-ciri pentadbiran koperasi serta amalan pengurusan yang baik.
- Memberi kefahaman berkaitan kepentingan menguruskan koperasi mengikut undang-undang.
- Memberi kefahaman berkaitan tugas dan tanggungjawab sebagai anggota Lembaga Koperasi.

ISI KANDUNGAN

- Latar belakang koperasi
- Perundangan koperasi di Malaysia
- Peranan dan tanggungjawab anggota lembaga koperasi
- Tadbir urus koperasi



KURSUS WAJIB 2

PENGURUSAN KEWANGAN KOPERASI

- Memberi kefahaman terhadap keadaan bagi menilai prestasi koperasi dan mengurus modal kerja koperasi dengan berkesan.

ISI KANDUNGAN

- Pengenalan kepada pengurusan kewangan
- Menilai prestasi koperasi
- Mengurus modal kerja koperasi
- Mengurus tunai dan kecukiran.



KURSUS WAJIB 3

PENGURUSAN STRATEGIK

- Memberi kefahaman berkaitan konsep dan kepentingan pengurusan secara strategik dalam pengurusan dan pentadbiran koperasi.

- Memberi pendedahan berkaitan teknik-teknik analisis, pernilihan dan kawalan pengurusan strategik.

ISI KANDUNGAN

- Penerapan nilai keusahawanan dalam koperasi
- Pengenalan kepada pengurusan strategi dan pembentukan visi dan mini
- Analisis persekitaran organisasi
- Penjanaan dan pemilihan strategi
- Pelaksanaan, penilaian dan kawalan



KURSUS WAJIB JAD

TATACARA PENGAUDITAN & PERAKAUNAN KOPERASI

- untuk memberi kefahaman berkaitan peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi

- memberi pendedahan cara melaksanakan kerja audit dalam menggunakan tatacara audit yang sistematis.

ISI KANDUNGAN

- Penerapan nilai keusahawanan dalam koperasi
- Pengenalan kepada pengurusan strategi dan pembentukan visi dan mini
- Analisis persekitaran organisasi
- Penjanaan dan pemilihan strategi
- Pelaksanaan, penilaian dan kawalan

KURSUS BIDANG KEBERHASILAN



SEKTOR PELANCONGAN, PENJAGAAN DIRI & KESIHATAN

- Persediaan Koperasi Sebagai Usahawan Spa
- Penyediaan Paket Pelancongan Rail Tourism
- Persediaan Koperasi Sebagai Usahawan Pelancongan
- Penjenamaan Rangkaian Coop Hotel
- Potensi Perniagaan Homestay (Asas)
- Penyediaan Paket Pelancongan Agro
- Teknik Rawatan Urutan Tradisional
- Teknik Rawatan Muka, Kuku Dan Kaki (Manicure Dan Pedicure)
- Teknik Rawatan Badan (Mandian, Scrub Dan Sauna)



SEKTOR PEMBORONGAN & PERUNCITAN

- Pejuang Perniagaan Pasar Mini
- Persediaan Koperasi Mencebur Perniagaan Pemborongan Dan Peruncitan
- Pengurusan Rekod Dan Fail Pasar Mini
- Peluang Perniagaan Melalui Pemborongan DiLuar Negara
- Pengurusan Stok Pasar Mini
- Pembangunan Pasar Mini Online



SEKTOR HARTANAH & INDUSTRI PEMBINAAN

- Potensi Dan Peluang Sektor Hartanah Dan Industri Pembinaan
- Jom Jadi Kontraktor
- Koperasi Sebagai Pembekal Bahan Binaan
- Perundungan Hartanah




SEKTOR PERLADANGAN & ASAS TANI

- Projek Tanaman Cendawan
- Pengurusan Perniagaan Ayam Kampung
- Projek Madu Kelulut
- Pengurusan Organisasi Dalam Koperasi Pekebun Kecil Secara Berkesan



ZON MAKTAB KOPERASI MALAYSIA





AGENSI DI BAWAH
KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
KOPERASI DAN KEPENGUNAAN

Mengucapkan

*Selamat Menyambut
Tahun Baru*

2018

Maktab Koperasi Malaysia

Kampus Induk

Maktab Koperasi Malaysia
103, Jalan Templer,
46700 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan
e-mel: mkm@edu.my

Tel: 03-7964 9000 Faks: 03-7957 0434
Laman web: <http://www.mkm.edu.my>

MKM Zon Utara

No. 1515, Wisma KGMKB
Jalan Tunku Ibrahim,
05000 Alor Setar,
Kedah Darul Aman
e-mel: mkmcutara@edu.my
Tel: 04 - 733 7527
Faks: 04 - 733 7532

MKM Zon Sabah

Tingkat 5, Menara MAA,
Lorong 6 Api Api 1,
Kota Kinabalu
88000, Sabah
e-mel: mkmsabah@edu.my
Tel : 088 - 240 812
Faks: 088 - 241 802

MKM Zon Timur

Kompleks Inkubator,
Indera Mahkota 14,
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
e-mel: mkmctimur@edu.my
Tel: 09 - 573 2449
Faks: 09 - 573 2450

MKM Zon Sarawak

Bangunan Rugayah,
Jalan Song Thian Cheok,
Peti Surat B241
93100 Kuching, Sarawak
e-mel: mkmsarawak@edu.my
Tel: 082 - 230 409
Faks: 082 - 230 405

MKM Zon Selatan

Tingkat 1, Bangunan Kerjasama,
Jalan Dhoby,
80000 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
e-mel: mkmcselatan@edu.my
Tel: 07 - 2262 119
Faks: 07 - 2262 125

Kolej iCOOP

Damansara Damai Campus 1
Jalan PJU 10/3C, Damansara Damai
47830 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia
Tel: 03-7952 4500
Faks: 03-7955 0863
e-mel: infor@icoop.edu.my(kolej iCOOP)

www.mkm.edu.my



[maktabkoperasimalaysia](#)



[Maktab_Koperasi](#)



[Maktab_Koperasi_Malaysia](#)